

Masagos: Usah terjerat 'godaan' tailong

Mereka yang terdesak disaran dapat nasihat kaunselor seperti di Pusat Penasihat Hutang AMP; Umumnya majoriti warga urus wang dengan baik, segelintir hadapi masalah hutang berlebihan



ENCIK MASAGOS: Meskipun masalah hutang di sini tidak berleluasa ia perlu terus diberi perhatian

15 Feb 2015

ERVINA MOHD JAMIL

MENTERI Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar) Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, menggesa masyarakat supaya tidak 'tergoda' dengan tawaran tailong untuk mendapatkan wang dengan mudah.

Ini kerana tailong hanya akan mengenakan kadar bunga yang amat tinggi dan tidak teragak-agak menggunakan kekerasan untuk meminta peminjam memulangkan duit.

"Kalau anda perlu bantuan kewangan dek keadaan yang tidak diduga, lakukannya dengan cara yang sah, atau dapatkan bantuan daripada badan atau kaunselor kewangan seperti Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP)," kata Encik Masagos.

Beliau berkata demikian semasa berucap di seminar Community In Review anjuran AMP bersama sayap kajiannya, Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), bagi membincangkan masalah hutang di Singapura, di Pusat Konvensyen Suntec semalam.

Dalam mengingatkan orang ramai agar berhati-hati daripada siapa mereka mengambil pinjaman, Encik Masagos berkata ramai warga Singapura dapat menguruskan hutang mereka dengan baik.

Menurutnya, keadaan kredit pengguna di negara ini adalah baik, tetapi segelintir orang mempunyai masalah meminjam secara berlebihan, tambahnya.

Meskipun masalah hutang di sini tidak berleluasa ia perlu terus diberi perhatian, tegas Encik Masagos lagi.

Sementara itu, menyentuh penubuhan DAC, Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata pusat itu bukan sahaja bertujuan membantu mereka yang terjerat dengan hutang tetapi juga menawarkan pendidikan sebagai langkah pencegahan dan menjalankan kajian.

Encik Azmoon menarik perhatian bahawa golongan masyarakat yang berpendapatan lebih tinggi, termasuk golongan profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET), juga menghadapi risiko meskipun mereka lazimnya dapat menjelaskan hutang mereka.

Dalam pada itu, konvensyen tersebut turut memaparkan beberapa penceramah termasuk pakar akademik serta wakil institusi yang berurusan dengan individu yang berhutang.

Mereka membentangkan perangkaan serta pengalaman mereka selain membincangkan masalah hutang itu daripada perspektif makro dan mikro.

Salah seorang penceramah Profesor Sumit Agarwal daripada jabatan ekonomi, kewangan dan hartanah Universiti Nasional Singapura (NUS), mendedahkan meskipun Melayu membelanjakan jumlah paling sedikit menggunakan kad kredit, namun, pada masa yang sama, jika dibandingkan dengan masyarakat lain, orang Melayu mempunyai hutang kad kredit paling tinggi.

"Dengan perbelanjaan lebih rendah dan hutang yang lebih tinggi, ini sesuatu yang menjadi keprihatinan dan kita perlu berusaha mengurangkan masalah ini," kata Profesor Sumit.

Memberi perinciannya, Profesor Sumit berkata sebahagian besar perbelanjaan orang Melayu dengan menggunakan kad kredit ialah untuk membayar perkhidmatan yang mereka dapatkan, termasuk untuk membayar bil.